



Kementerian Kesihatan Malaysia
Program Perkhidmatan Farmasi

ADAF

PANDUAN
AUDIT DALAM
AMALAN FARMASI
EDISI 2025

PENGHARGAAN

PENASIHAT

YBrs. Puan Norhaliza binti A Halim
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

YBrs. Puan Wan Noraimi binti Wan Ibrahim
Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

EDITOR

- ◆ Puan Hamiza binti Aziz
- ◆ Puan Rasveena Kaur a/p Awtar Singh
- ◆ Puan Syahirah Izzaty binti Ikmal Hisham

Seksyen Koordinasi Amalan & Perkembangan Farmasi,
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

SENARAI PENYUMBANG

- ◆ Encik Helmi Hafiz bin Hashim
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
- ◆ Encik Ahmad Faiz bin Mohd Rasid
Bahagian Perkhidmatan Farmasi Wilayah Persekutuan dan Putrajaya
- ◆ Encik Zulhilmi bin Aladdin
Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Perak
- ◆ Encik Hamidi bin Drahman
Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sarawak
- ◆ Puan Nur Ainie binti Mamat
Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Selangor
- ◆ Puan Aswini a/p Jantararas
Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sabah

PANDUAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI (ADAF)

EDISI 2025

JANUARI 2025

No. ISBN : e ISBN 978-967-2854-59-3
No. Siri Pendaftaran KKM : MOH/F/FAR/155.25(HB) - e
No. Pendaftaran Dokumen PPF : A-GU-83/6

© HAKCIPTA TERPELIHARA

Kandungan panduan ini tidak boleh diterbitkan semula tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pemegang hak cipta. Walau bagaimanapun, penggunaan mana-mana maklumat di dalam kandungan panduan ini dibenarkan dengan syarat pengakuan hak cipta dimasukkan dan maklumat digunakan dalam konteks yang sesuai, tidak berubah atau mengelirukan. Panduan ini menerangkan pengenalan asas pelaksanaan Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF), Kementerian Kesihatan Malaysia.

e ISBN 978-967-2854-59-3



Terbitan

**Seksyen Koordinasi Amalan dan Perkembangan Farmasi
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Universiti (Jalan Prof Diraja Ungku Aziz),
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.**

Telefon : 603-78413200
Laman sesawang : www.pharmacy.gov.my

SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada **Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi (BAPF), Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** atas usaha dan dedikasi yang luar biasa dalam menerbitkan **Panduan Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) EDISI 2025**. Pencapaian ini merupakan manifestasi komitmen berterusan pasukan dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan farmasi, melalui pelaksanaan aktiviti audit yang sistematik, telus dan berkesan.



Penerbitan panduan ini merupakan satu dokumentasi penting yang akan menjadi bahan rujukan utama kepada semua anggota farmasi KKM, bagi memastikan bahawa amalan-amalan farmasi yang dilaksanakan selaras dengan garis panduan, prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan dan berkuatkuasa. Melalui ADAF, sistem pengurusan perkhidmatan farmasi dapat dipertingkatkan dan keberkesanannya dapat ditambah baik dengan tindakan pembetulan dan pencegahan yang dilaksanakan.

Saya percaya bahawa dengan pelaksanaan perancangan dan aktiviti yang telah dirangka kita akan dapat mencapai objektif utama untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan farmasi, memenuhi piawaian yang lebih tinggi dan memberikan impak positif yang berterusan dalam perkhidmatan kesihatan negara.

Semoga usaha murni ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan terus berkembang selaras dengan keperluan semasa bagi memastikan kesinambungan dan kemajuan perkhidmatan farmasi yang lebih efisien dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Puan Norhaliza binti A. Halim

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Kementerian Kesihatan Malaysia

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan RahmatNYA telah mempermudah bagi penerbitan **Panduan Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) EDISI 2025** pada kali ini. Panduan ini merupakan satu penambahbaikan yang signifikan kepada panduan ADAF yang terdahulu, sebagai usaha berterusan untuk memperkukuhkan kualiti dan keberkesanan amalan farmasi di seluruh negara.



Salah satu elemen utama dalam **ADAF** adalah untuk mengenal pasti sebarang kelemahan atau kekurangan dalam amalan farmasi yang seterusnya membolehkan tindakan pembetulan atau penambahbaikan diambil dengan segera. Penemuan daripada audit ini akan dimuatkan dalam laporan yang komprehensif yang telah ditambahbaik melalui **sistem pelaporan e-ADAF**; seterusnya akan membantu pihak bertanggungjawab dalam menilai prestasi semasa dan membuat keputusan yang lebih tepat serta pantas dalam tempoh masa yang lebih singkat.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pegawai farmasi yang terlibat samada di peringkat BAPF/ BPF Negeri/ fasiliti kesihatan atas sumbangan bakti yang sangat berharga ini. Marilah kita terus bekerjasama dengan semangat yang tinggi demi kemajuan dan kejayaan yang lebih besar, dalam usaha kita memastikan perkhidmatan farmasi yang lebih cemerlang dan memberi impak positif kepada para pesakit mahupun masyarakat seluruhnya.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Puan Wan Noraimi binti Wan Ibrahim
Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

ISI KANDUNGAN

1.	Pengenalan	1
2.	Definisi	2
3.	Objektif	2
4.	Terminologi dan Singkatan	2
5.	Sasaran & Kriteria Fasiliti	3
	5.1. Sasaran	
	5.2. Penentuan Markah Tahap Pematuhan Standard Amalan Farmasi	
	5.3. Audit Rutin	
	5.4. Audit Kendiri	
	5.5. Kriteria Inklusi dan Eksklusi	
6.	Kriteria Pelantikan Auditor	4
7.	Had Minimum Bilangan Auditor	5
8.	Skop Audit	5
9.	Pelaksanaan dan Pelaporan ADAF	6
	9.1. Pelaksanaan Audit Rutin	
	9.2. Pelaksanaan Audit Susulan	
	9.3. Pelaporan hasil ADAF dan maklum balas <i>CAPA</i>	
10.	Penemuan Audit	8
	10.1. Amalan Baik	
	10.2. Penemuan audit major/ kritikal	
11.	Wajaran Markah Berdasarkan Jenis Fasiliti	10
	11.1. Sistem penilaian ADAF	
	I. Sistem Penilaian ADAF Hospital dan Klinik Kesihatan	
	II. Sistem Penilaian ADAF PKD/ PKK/ CLFN/ PFB/ UFL	
	11.2. Pengiraan markah berdasarkan wajaran	
12.	e-ADAF	12
	12.1 Laporan Audit e-ADAF	
	12.2 Laporan Analisis e-ADAF	
	Lampiran A (Laporan ADAF)	13
	Lampiran B (Laporan Maklum Balas ADAF: <i>CAPA</i>)	35
	Lampiran C (Pengiraan Markah Berdasarkan Wajaran)	36

1. PENGENALAN

Panduan ini diperkenalkan berikutan cadangan yang dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa ADAF Pusat Bil. 1/2018 yang diadakan pada Julai 2018. Cadangan ini timbul berdasarkan maklum balas daripada mesyuarat tersebut yang menekankan keperluan untuk membangunkan sebuah sistem yang lebih teratur dan sistematik dalam menentukan tahap pematuhan fasiliti, sama ada baik, sederhana, atau lemah. Sebelum pelaksanaan sistem pemarkahan ini, penentuan tahap pematuhan fasiliti adalah bersifat lebih subjektif dan tidak seragam.

Susulan daripada perbincangan dalam Mesyuarat ADAF Pusat Mei 2024, ahli mesyuarat telah bersetuju untuk memberi fokus kepada pengukuhan amalan dan praktis farmasi yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu, bermula tahun 2025, senarai semak PhIS telah dikeluarkan daripada ADAF dan dimasukkan ke dalam skop senarai semak yang berkaitan bagi memastikan amalan penggunaan PhIS di fasiliti digunakan sepenuhnya. Namun begitu pemantauan oleh pegawai penyelaras (*liaison officer*) negeri bagi memastikan ketersediaan perisian dan perkakasan diuruskan secara berkala.

Selain itu, pembahagian skop senarai semak adalah mengikut jenis fasiliti. Skop senarai semak logistik telah diubah suai merangkumi semua sub stor di fasiliti tersebut bagi memudahkan jejak audit (*audit trail*) dilaksanakan.

Seiring dengan perkembangan digitalisasi, sistem pelaporan e-ADAF telah dibangunkan melalui platform IDQUMC bertujuan untuk mempercepatkan proses pelaporan ADAF. Oleh yang demikian, panduan ADAF ini telah dikemaskini mengikut perkembangan semasa dan semua panduan ADAF yang terdahulu adalah terbatal berkuatkuasa tarikh dokumen ini diedarkan.

2. DEFINISI

Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) merupakan pemeriksaan berstruktur yang dilakukan ke atas prosedur, garis panduan dan peraturan yang sedang berkuat kuasa serta amalan di semua unit farmasi fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. OBJEKTIF

ADAF dilaksanakan untuk:

- a) Memastikan prosedur, garis panduan dan peraturan sedia ada sentiasa dipatuhi.
- b) Menilai keberkesanan sistem pengurusan perkhidmatan farmasi yang diwujudkan dan memantau tindakan-tindakan pembetulan/ pencegahan (CAPA) yang dilaksanakan.
- c) Melaporkan status semasa fasiliti farmasi bagi memastikan tindakan yang sesuai dapat dirancang dan dilaksanakan oleh pihak pengurusan di fasiliti/ PTJ.

4. TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

Singkatan	Keterangan
ADAF	Audit Dalam Amalan Farmasi
BPF	Bahagian Perkhidmatan Farmasi
CAPA	<i>Corrective Action, Preventive Action</i>
CLFN	Cawangan Logistik Farmasi Negeri
KK	Klinik Kesihatan
KKIA	Klinik Kesihatan Ibu dan Anak
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MTAC	<i>Medication Therapy Adherence Clinic</i>
OFI	<i>Opportunity for Improvement</i>
PFB	Pejabat Farmasi Bahagian
PHIS	<i>Pharmacy Information System</i>

Singkatan	Keterangan
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKK	Pejabat Kesihatan Kawasan
PTJ	Pusat Tanggungjawab
UFL	Unit Farmasi Logistik

5. SASARAN & KRITERIA FASILITI

5.1. Sasaran

80% fasiliti yang diaudit perlu mendapat tahap pematuhan baik.

5.2. Penentuan Markah Tahap Pematuhan Standard Amalan Farmasi

Tahap Pematuhan Standard Amalan Farmasi	Markah Penilaian
Baik	85% - 100%
Sederhana	65% - 84.9%
Lemah	0% - 64.9%

5.3. Audit Rutin

ADAF perlu dijalankan ke atas **semua** fasiliti farmasi yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan dilaksanakan satu (1) kali dalam tempoh dua (2) tahun. Audit sendiri perlu dilaksanakan di fasiliti yang tidak diaudit.

5.4. Audit Kendiri

Audit sendiri perlu dilaksanakan di fasiliti yang tidak diaudit. Pelaksanaan audit sendiri disarankan menggunakan konsep *cross unit* (bagi hospital) atau *cross facility* (bagi fasiliti di bawah PKD yang sama) iaitu juruaudit yang menjalankan audit di unit/ fasiliti tersebut bukan dalam kalangan anggota yang bertugas di unit/ fasiliti yang diaudit.

5.5. Kriteria Inklusi dan Eksklusi

Kriteria inklusi dan eksklusi yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

Kriteria Inklusi	<ol style="list-style-type: none">I. Hospital, KK, PKD, PKK, CLFN, PFB dan UFL yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anggota farmasi tetap.II. Semua audit yang dijalankan oleh BPF Negeri dan Jawatankuasa ADAF Pusat.
Kriteria Eksklusi	<ol style="list-style-type: none">I. Klinik Komuniti dan KKIA.II. Fasiliti baharu/ fasiliti dinaik taraf yang belum mencapai tempoh dua (2) tahun operasi. Contoh: naik taraf Klinik Desa ke Klinik Kesihatan Jenis Tujuh (7).III. Fasiliti yang mendapat kelulusan penangguhan daripada Program Perkhidmatan Farmasi. Contoh: kerja-kerja naik taraf klinik kesihatan dan lain-lain.

6. KRITERIA PELANTIKAN AUDITOR

- I. Pegawai Farmasi UF12 dan ke atas yang berpengalaman. Pengecualian diberikan kepada WP Labuan. Gred minimum bagi pelantikan auditor di kalangan Pegawai Farmasi di WP Labuan adalah ditetapkan dari gred UF10.
- II. Penolong Pegawai Farmasi U6 dan ke atas yang berpengalaman.
- III. Tidak bertugas di fasiliti yang bakal diaudit.

7. HAD MINIMUM BILANGAN AUDITOR

Bilangan auditor yang disarankan berdasarkan jenis fasiliti:

Jenis Fasiliti	Bilangan auditor
Hospital/ Institusi	Sekurang-kurangnya empat (4) auditor
Klinik Kesihatan	Sekurang-kurangnya dua (2) auditor
CLFN/ PKD/ PKK/ PKB	Sekurang-kurangnya tiga (3) auditor

8. SKOP AUDIT

Skop audit adalah berdasarkan kepada sepuluh (10) senarai semak seperti berikut:

- I. Sistem Pengurusan Kualiti
- II. Aktiviti Farmasi Logistik
- III. Aktiviti Farmasi Ambulatori
- IV. Aktiviti Farmasi – *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)*
- V. Aktiviti Farmasi Methadone
- VI. Aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan Semula
- VII. Pusat Maklumat Ubat
- VIII. Aktiviti Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal
- IX. Aktiviti Farmasi Pesakit Dalam
- X. Aktiviti Farmasi Wad

9. PELAKSANAAN DAN PELAPORAN ADAF

9.1. Pelaksanaan Audit Rutin

- a) Fasiliti yang dijadualkan menjalankan audit rutin seperti yang dirancang.
- b) Audit dijalankan menggunakan sistem penilaian pemarkahan berdasarkan senarai semak mengikut jenis fasiliti (Hospital, KK, PKD/ PKK/ CLFN/ PFB/ UFL).
- c) Hasil penemuan audit dibentang semasa mesyuarat penutup bersama pihak auditee sebelum laporan dijana melalui e-ADAF.


9.2. Pelaksanaan Audit Susulan

- a) Sekiranya fasiliti yang diaudit mendapat tahap pematuhan “Lemah”, maka audit susulan perlu dilaksanakan oleh BPF Negeri. Audit susulan ini perlu dijalankan selewat-lewatnya lima belas (15) hari bekerja selepas maklum balas *CAPA* dikemukakan.
- b) Laporan audit susulan perlu dikemukakan kepada Program Perkhidmatan Farmasi dan fasiliti yang diaudit selewat-lewatnya dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja selepas audit susulan dijalankan.
- c) Status tahap pematuhan akan diambil kira selepas audit susulan yang dijalankan oleh BPF Negeri. Fokus audit susulan adalah pada skop senarai semak yang terlibat dengan *CAPA* sahaja.
- d) Namun, sekiranya BPF Negeri tidak menjalankan audit susulan dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja, maka tahap status pematuhan asal akan **KEKAL**.

9.3. Pelaporan hasil ADAF dan maklum balas *CAPA*

- a) Tahap pematuhan standard amalan farmasi akan ditentukan berdasarkan markah dan laporan audit ADAF yang dijana melalui sistem e-ADAF, format seperti di **Lampiran A**.
- b) Laporan audit ini perlu dikemukakan oleh auditor kepada fasiliti yang diaudit selewat-lewatnya dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja selepas audit dijalankan.
- c) Fasiliti yang diaudit/ auditee perlu mengemukakan maklum balas *CAPA* selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari bekerja selepas laporan audit dikemukakan.

- d) Auditee perlu mengambil tindakan-tindakan pembetulan dan pencegahan pada perkara/ kriteria yang mendapat 'patuh sebahagian' atau 'tidak patuh' dan melaporkan maklum balas tersebut menggunakan format seperti di **Lampiran B**.



Rajah 1 menunjukkan garis masa audit rutin, audit susulan, pelaporan audit dan maklum balas CAPA.

10. PENEMUAN AUDIT

Penemuan audit seperti amalan baik/ penemuan major/ kritikal perlu dinyatakan di dalam laporan penuh audit ADAF (**Lampiran A**).

10.1. Amalan Baik

Bagi sebarang perkara yang mampu memberikan faedah dan imej yang baik di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.

- a) Sebarang kemenangan/ pengiktirafan.
- b) Kecemerlangan audit oleh agensi luar yang bertauliah.
- c) Penerbitan kajian penyelidikan di peringkat antarabangsa.

Tiada pemberian markah bagi sebarang penemuan amalan baik. Auditor perlu memberikan penjelasan bagi aspek-aspek baik/ positif di dalam laporan penuh audit agar perkara ini dapat dihebahkan kepada fasiliti lain.


10.2. Penemuan audit major/ kritikal

Bagi penemuan audit yang kritikal. Contoh penemuan kritikal yang berpotensi untuk:

- a) Menyebabkan risiko penyampaian perkhidmatan yang lemah.
- b) Menyebabkan risiko penyampaian perkhidmatan yang berbahaya kepada pesakit.
- c) Kerugian kewangan kepada kerajaan termasuk isu ketirisan, akauntabiliti dan integriti.

Tiada pemberian markah bagi sebarang penemuan major/ kritikal. Auditor perlu memberikan penerangan bagi sebarang ketidakpatuhan/ negatif/ pemerhatian (OFI) di dalam laporan penuh audit agar penambahbaikan yang berkesan dapat diambil oleh fasiliti terlibat.

Carta Aliran Proses Kerja Auditor ADAF Negeri/ Pusat



11. WAJARAN MARKAH BERDASARKAN JENIS FASILITI

11.1. Sistem penilaian ADAF

Terdapat tiga (3) sistem penilaian ADAF seperti berikut:

- I. Sistem Penilaian ADAF Hospital
- II. Sistem Penilaian ADAF Klinik Kesihatan
- III. Sistem Penilaian ADAF PKD meliputi PKD/ PKK/ CLFN/ PFB/ UFL.

Berikut merupakan wajaran markah berdasarkan jenis fasiliti:

I. Sistem Penilaian ADAF Hospital dan Klinik Kesihatan

Bil	Skop Senarai Semak	Wajaran Hospital	Wajaran Klinik Kesihatan
1	Sistem Pengurusan Kualiti	20%	30%
2	Pengurusan Farmasi Logistik	15%	25%
	★ Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar		
3	Aktiviti Farmasi Ambulatori	15%	25%
4	Aktiviti Farmasi MTAC		
5	Aktiviti Farmasi Methadone		
6	Aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan Semula	15%	10%
7	Pusat Maklumat Ubat	5%	5%
8	Aktiviti Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (TDM)	5%	5%
9	Aktiviti Farmasi Pesakit Dalam	15%	TB
10	Aktiviti Perkhidmatan Farmasi Wad	10%	TB
JUMLAH KESELURUHAN		100%	100%

★ Merujuk kepada perkara 11.2.1: Skop dan komponen senarai semak

II. Sistem Penilaian ADAF PKD/ PKK/ CLFN/ PFB/ UFL

No	Senarai Semak	Wajaran A	Wajaran B
1	Sistem Pengurusan Kualiti	55%	60%
2	Pengurusan Farmasi Logistik	40%	40%
3	★ Aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan Semula	5%	TB
JUMLAH KESELURUHAN		100%	100%

★ Sekiranya PKD/ PKK/ CLFN/ PFB/ UFL tidak melaksanakan aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan semula, markah adalah TB (menggunakan Wajaran B)

11.2. Pengiraan markah berdasarkan wajaran

11.2.1. Skop dan komponen senarai semak

Secara amnya, pengiraan markah berdasarkan wajaran perlu mengambil kira siling wajaran setiap skop. Terdapat satu (1) skop yang terlibat iaitu:

Skop	Jumlah Wajaran (siling wajaran)	
	Penilaian ADAF Hospital	Penilaian ADAF Klinik Kesihatan
Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar	15%	25%

Di bawah skop Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar terdapat tiga (3) komponen senarai semak bagi penilaian ADAF di Hospital dan Klinik Kesihatan:


- I. Aktiviti Farmasi Ambulatori
- II. Aktiviti Farmasi MTAC
- III. Aktiviti Farmasi Methadone

Contoh pengiraan markah berdasarkan wajaran sekiranya fasiliti menawarkan semua/ sebahagian perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran C**.

12. e-ADAF

e-ADAF merupakan satu proses kerja baharu dalam pelaksanaan ADAF yang bertujuan untuk mempercepatkan penyediaan laporan audit serta menganalisis penemuan ADAF secara menyeluruh.

Secara ringkasnya, proses e-ADAF memainkan peranan penting semasa pelaporan dan analisis penemuan ADAF, seperti berikut:



Rajah 2 menunjukkan carta alir penjaanaan laporan audit dan analisis melalui e-ADAF.

12.1 Laporan Audit e-ADAF

1. Sistem e-ADAF menjana 60 - 70% laporan berdasarkan markah yang diberi pada soalan di senarai semak ADAF.
2. Hanya perkara yang *highlighted* kuning (**Lampiran A**) perlu diisi oleh auditor seperti perkara yang memerlukan huraian/ penjelasan seperti pengenalan/ latar belakang fasiliti, penemuan amalan baik, rumusan dan kesimpulan atau penemuan selain senarai semak.
3. Pasukan auditor dapat melengkapkan laporan audit seperti memasukkan gambar, penjelasan penemuan dan lain-lain pada masa yang sama, sekaligus mengurangkan masa penyediaan laporan ADAF.

12.2 Laporan Analisis e-ADAF

1. Dijana dan boleh diteliti melalui platform e-ADAF di IDQUMC.
2. Menunjukkan analisis penemuan audit serta penemuan lazim secara menyeluruh dan bagi setiap senarai semak di peringkat fasiliti, PKD, negeri dan kebangsaan.

Secara kesimpulannya, e-ADAF dapat memberikan kesan seperti berikut:

- a) Mengurangkan masa/ beban kerja.
- b) Mengurangkan kesilapan pengiraan markah audit.
- c) *Live* analisis membolehkan tindakan proaktif diambil dengan segera.
- d) Beralih kepada pemantauan dan perancangan strategik untuk menangani penemuan berulang.
- e) Penghasilan *benchmark* dan *Best Practices* yang dapat dikongsi bersama.

Lampiran A

 ADAF

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI

FASILITI DIAUDIT

diisi oleh auditor

TARIKH AUDIT

diisi oleh auditor

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 14 daripada 34

Nama Fasiliti	
Jenis Fasiliti	
Skop Yang Diaudit	
Tarikh Audit	*diisi oleh auditor
Nama Auditor:	
Pengenalan/ Latar belakang fasiliti:	*diisi oleh auditor
Sejarah audit terakhir:	Audit terakhir dijalankan oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) Pusat/ Negeri pada DD/MM/YYYY. Tahap pematuhan standard bagi audit yang lepas adalah baik/ sederhana/ lemah.
Ringkasan ADAF Pusat/ Negeri Yang Dijalankan:	
Tujuan Audit:	<p>Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) ini dijalankan untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan prosedur, garis panduan dan peraturan sedia ada sentiasa dipatuhi. 2. Menilai keberkesanan sistem pengurusan perkhidmatan farmasi yang diwujudkan dan memantau tindakan-tindakan pembetulan/ pencegahan atau <i>corrective action, preventive action</i> (CAPA) yang dilaksanakan. 3. Melaporkan status semasa fasiliti farmasi bagi memastikan tindakan yang sesuai dapat dirancang dan dilaksanakan oleh pihak pengurusan di fasiliti/ PTJ.

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 15 daripada 34

Keputusan Audit

Pemarkahan berdasarkan Senarai Semak:

Bil	Senarai Semak	Wajaran %	Markah Skop	Markah berdasarkan Wajaran
1	Sistem Pengurusan Kualiti			
2	Aktiviti Farmasi Logistik			
	Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Farmasi Pesakit Luar			
3	Aktiviti Farmasi Ambulatori			
4	Aktiviti Farmasi MTAC			
5	Aktiviti Farmasi Methadone			
6	Aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan Semula			
7	Pusat Maklumat Ubat			
8	Aktiviti Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal			
9	Aktiviti Farmasi Pesakit Dalam			
10	Aktiviti Farmasi Wad			
Jumlah Keseluruhan				

Markah Keseluruhan:	Tahap pematuhan standard bagi Jabatan Farmasi ini ialah: 100%		
	Tahap Pematuhan Standard Amalan Farmasi	Markah Penilaian	Sila tandakan Tahap Pematuhan Standard
	Baik	85 - 100%	
	Sederhana	65 - 84.9%	
	Lemah	0 - 64.9%	

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 16 daripada 34

Penemuan Audit:	Sila nyatakan perkara/ kriteria yang memerlukan tindakan <i>Corrective Action</i> , <i>Preventive Action (CAPA)</i> . Sila rujuk kepada senarai semak audit bagi skop-skop terlibat yang memerlukan penambahbaikan.		
	No.	Senarai Semak	Sub Komponen/ Kriteria Tidak Patuh
	1	Sistem Pengurusan Kualiti	
	2	Aktiviti Farmasi Logistik	
	3	Aktiviti Farmasi Ambulatori	
	4	Aktiviti Farmasi MTAC	
	5	Aktiviti Farmasi Methadone	
	6	Aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan Semula	
	7	Pusat Maklumat Ubat	
	8	Aktiviti Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (TDM)	
	9	Aktiviti Farmasi Pesakit Dalam	
	10	Aktiviti Perkhidmatan Farmasi Wad	
	Bilangan Penemuan Kriteria Tidak Patuh (A)		
	Bilangan Lain-lain Penemuan (B)		*diisi oleh auditor
Jumlah Keseluruhan Penemuan Yang Memerlukan Tindakan CAPA (A+B)		*diisi oleh auditor	
Penemuan Amalan Baik	*diisi oleh auditor		
Rumusan dan Kesimpulan	Perincian kepada penemuan major/ kritikal adalah seperti berikut: (Senaraikan) *diisi oleh auditor (BOLD)		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 17 daripada 34

Lampiran- Lampiran Yang Disertakan:	Lampiran 1: Penemuan dan gambar semasa audit Lampiran 2: Personel yang ditemui semasa audit Lampiran 3: Gambar amalan baik Lampiran 4: Senarai kehadiran semasa Mesyuarat Pembukaan Lampiran 5: Senarai kehadiran semasa Mesyuarat Penutup	
Penafian (Disclaimer)	Audit adalah suatu proses persampelan di mana kelemahan-kelemahan yang dilaporkan adalah merupakan hasil pemerhatian semasa sesi audit dijalankan. Segala penemuan audit adalah SULIT .	
Pengesahan	Disediakan oleh: Disediakan oleh: Disediakan oleh:	Disemak & diluluskan oleh ketua auditor : Tarikh:
Laporan Maklum Balas:	Jabatan/ Unit Farmasi dikehendaki mengambil tindakan CAPA sewajarnya ke atas semua penemuan audit yang dinyatakan. Laporan maklum balas CAPA perlu dikemukakan selewat-lewatnya 30 hari bekerja dari tarikh edaran surat laporan ADAF (LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI (ADAF) NEGERI/ PUSAT TAHUN XXXX, BPF NEGERI/ PPF, KKM.) Sila kemukakan maklum balas berkenaan kepada : Seksyen Koordinasi Amalan & Perkembangan Farmasi Bahagian/ Cawangan Kementerian Kesihatan Malaysia/ Bahagian Perkhidmatan Farmasi	

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 18 daripada 34

DOKUMEN RUJUKAN/ STANDARDS/ GARIS PANDUAN

1. Polisi Operasi Farmasi Ambulatori; 2022 (Edisi Kedua)
2. Garis Panduan Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu Edisi Keempat (2021)
3. Good Dispensing Practice; 2016
4. Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasiliti KKM Pindaan; 2016
5. Garis Panduan Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi; 2016
6. Garis Panduan Program Pemulangan Ubat Edisi 3; 2016
7. Garis Panduan Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M); 2010
8. Garis Panduan Pengendalian Bahan Psikotropik di Dewan Bedah KKM; 2016
9. Polisi dan Polisi Operasi Piawai Program Rawatan Methadone Edisi 2; 2016
10. Garis Panduan Pembekalan Ubat kepada Pesakit yang Didiscaj Melalui Surat Rujukan bagi Meneruskan Rawatan Fasiliti KKM Edisi; 2024
11. Garis Panduan Pendispensan Methadone; 2009
12. Garis Panduan Kaunseling Methadone
13. Garis Panduan Pengiktirafan Pendispensan Methadone oleh PPF di Klinik Methadone KKM; 2010
14. Garis Panduan Program Farmakoterapi Berhenti Merokok Edisi 1; 2012
15. Garis Panduan Perkhidmatan Farmasi Selepas Waktu Pejabat Di Klinik Kesihatan KKM
16. Garis Panduan Pengendalian Bahan Psikotropik di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia; 2024
17. Garis Panduan Keselamatan dan Pengendalian Stok Di Fasiliti Kesihatan; 2024
18. Tatacara Pengurusan Stor
19. Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara, Jabatan Audit Negara, Edisi Kedua, 2015
20. Garis panduan Pengurusan Farmasi Logistik KKM Edisi 1
21. Pelan Keselamatan Fasiliti Farmasi KKM
22. Garis Panduan Pengurusan Produk Rangkaian Sejuk di Fasiliti KKM
23. Panduan Pelaksanaan Langkah – langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan dan Kawalan Penggunaan Ubat di KKM, 2016
24. Garis Panduan Pengurusan Kunci Keselamatan KKM, Bahagian Khidmat Pengurusan KKM, 2015
25. Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia
26. Garis Panduan Permohonan Ubat Kelulusan Khas (UKK) bagi Fasiliti-fasiliti KKM Edisi Kedua
27. Tatacara JKUT Edisi Kedua, 2024
28. Guidelines for Submission of Dossier for Listing into the Ministry of Health Medicines Formulary, 3rd Edition; 2024
29. Garis panduan Farmakovigilans Keselamatan Vaksin di Malaysia; 2010
30. Guideline On Medication Error Reporting System; 2nd Ed; 2019
31. Guideline on Safe Use of High Alert Medications; 2nd Ed; 2020
32. Garis Panduan Pengesanan Pesakit dengan Alahan Ubat; 2011
33. Quick Guide to Heparin Use; 2010

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 19 daripada 34

34. Guide on Handling Look Alike Sound Alike(LASA) Medications; 2012
35. Dilution Guide for High Alert Medications; 2011
36. Guideline on Syringe Labelling in Critical Care Areas;2012
37. Dalam proses penghasilan video teknik penggunaan inhaler. Jangkaan penerbitan; 2025
38. Anticoagulation MTAC (AC-MTAC) Protocol 2nd Edition (2020)
39. Guideline on Ward Pharmacy Activities, First Edition; 2023
40. Protokol Perkhidmatan Farmasi Penilaian Ubat-ubatan di Rumah (Home Medication Review (HMR)) Edisi Ketiga; 2023
41. Protocol Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC): Psychiatry. 1st Edition. Pharmaceutical Services Division; July 2012.
42. Protocol Hemophilia Medication Therapy Adherence Clinic (HMTAC). 1st Edition. Pharmaceutical Services Division; 2012.
43. Rheumatoid Arthritis Medication Therapy Adherence Clinic (RaMTAC) Protocol. 2nd edition. Pharmaceutical Services Division; June 2024.
44. Guideline on Ward Pharmacy Activities, First Edition; 2023
45. Neurology Medication Therapy Adherence Clinic Protocol (Second Edition); 2024
46. Protocol Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC): Psoriasis. 1st Edition. Pharmaceutical Services Division; 2013.
47. Garis Panduan Kaunseling Ubat-ubatan. 2nd Edition. Pharmaceutical Services Division; 2019.
48. 4th Edition of National Antimicrobial Guideline (NAG)
49. Diabetes Medication Therapy Adherence Clinic Protocol, Third Edition; 2022
50. Geriatric Pharmacy Protocol (MTAC, Ward Pharmacy & HMR); 2024
51. Dalam proses kemaskini. Jangkaan penerbitan suku pertama; 2025
52. Protocol on Antimicrobial Stewardship (AMS) Programme In Healthcare Facilities, Second Edition; 2022
53. Guideline on Ward Pharmacy Activities, First Edition; 2023
54. Protocol Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC): Hepatitis. 2nd Edition. Pharmaceutical Services Division; 2018.
55. Dalam proses kemaskini. Jangkaan penerbitan suku pertama; 2025
56. Pharmacist's Handbook of Parenteral Nutrition in Neonates and Paediatrics. 2nd Edition. Pharmaceutical Services Division; (2023)
57. Dalam proses kemaskini. Jangkaan penerbitan suku keempat; 2025
58. Garis Panduan Untuk Pemantauan Keselamatan Produk Erythropoietin Stimulating Agents (ESAs) & Pelaporan Kesan Advers Pure Red Cell Aplasia (PRCA); 2016.
59. Guides to the Development of Pharmacy Facilities in Ministry of Health, Malaysia 4th Edition (2022)
60. Guidelines For Inpatient Pharmacy Practice. 1st Edition. Pharmaceutical Services Division; 2010.
61. Garis Panduan Pembekalan Ubat Farmasi Pesakit Dalam Edisi Ke- 3
62. Polisi dan Garis Panduan Program Patient's Own Medicines (POMs) Edisi ke-2
63. Manual for QAP Indicators; 2024

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 20 daripada 34

- 64. Manual Petunjuk Prestasi Utama (KPI); 2024
- 65. Guides to the Development of Pharmacy Facilities in Ministry of Health, Malaysia 4th Edition; (2022)
- 66. Guides to the Development of Pharmacy Facilities in Ministry of Health, Malaysia 4th Edition; (2022)
- 67. Manual For Sterile Preparations. 2nd Edition. Pharmaceutical Services Division; 2021.
- 68. Extemporaneous Formulation. 2nd Edition. Pharmaceutical Services Division; 2015.
- 69. Polisi dan Garis Panduan Perkhidmatan Farmasi Farmakokinetik Klinikal Edisi Kedua; 2022
- 70. Nephrology MTAC Protocol (Second Edition; 2019)
- 71. Panduan Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia
- 72. Clinical Pharmacokinetics Pharmacy Handbook, Second Edition
- 73. Polisi dan Garis Panduan Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal. Edisi Kedua. Program Perkhidmatan Farmasi; 2022.
- 74. Sistem Pengurusan Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia
- 75. Garis Panduan Continuous Professional Development (CPD)
- 76. Garis Panduan Pengendalian Medicines Access Scheme (MASc) Di Fasiliti KKM (Edisi Kedua; 2024)

Rujukan laman sesawang : www.pharmacy.gov.my

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 21 daripada 34

LAMPIRAN 1: PENEMUAN DAN GAMBAR SEMASA AUDIT *diisi oleh auditor

*** **NOTA:** Hanya untuk senarai di bawah ini, jika terdapat lebih daripada 15 penemuan bagi satu senarai semak, sila masukkan lebihan tersebut sendiri

1. Senarai Semak: Sistem Pengurusan Kualiti

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
Cth: G 1.2	Perlantikan berdasarkan individu dan ada kesinambungan di setiap fasiliti	
LAIN-LAIN	Penemuan selain senarai semak. Contoh: <i>Pemerhatian/ Opportunity for Improvement</i>	

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 22 daripada 34

2. Senarai Semak: Aktiviti Farmasi Logistik

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 23 daripada 34

3. Senarai Semak: Aktiviti Farmasi Ambulatori

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 24 daripada 34

4. Senarai Semak: Pusat Maklumat Ubat

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 25 daripada 34

5. Senarai Semak: Aktiviti Farmasi – *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)*

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 26 daripada 34

6. Senarai Semak: Aktiviti Farmasi Pesakit Dalam

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 27 daripada 34

7. Senarai Semak: Aktiviti Farmasi Wad

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 28 daripada 34

8. Senarai Semak: Aktiviti Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 29 daripada 34

9. Aktiviti Farmasi Methadone

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 30 daripada 34

10. Aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan Semula

Sub Komponen	Kriteria	Penjelasan Penemuan / Gambar (jika ada)
LAIN-LAIN		

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 31 daripada 34

Lampiran 2: Personel yang ditemui semasa audit

Bil.	Nama	Jawatan

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 33 daripada 34

Lampiran 4: Senarai kehadiran semasa Mesyuarat Pembukaan

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI (ADAF)**

Tarikh :
Masa :
Tempat :

Bil.	Nama	Organisasi / Jawatan	Tandatangan

LAPORAN AUDIT DALAM AMALAN FARMASI, KKM	ADAF - PUSAT / NEGERI
NOMBOR LAPORAN:	Muka surat: 34 daripada 34

Lampiran 5: Senarai kehadiran semasa Mesyuarat Penutup

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PENUTUP AUDIT DALAM AMALAN FARMASI (ADAF)**

Tarikh :
Masa :
Tempat :

Bil.	Nama	Organisasi / Jawatan	Tandatangan

LAPORAN MAKLUM BALAS ADAF: CORRECTIVE ACTION PREVENTIVE ACTION (CAPA)

HOSPITAL/ KLINIK KESIHATAN:

TARIKH AUDIT:

BILANGAN PERKARA / KRITERIA YANG MEMERLUKAN TINDAKAN CAPA:

Fasiliti yang diaudit perlu mengambil tindakan-tindakan pembetulan dan pencegahan atau *corrective action, preventive action* (CAPA) pada perkara/kriteria yang mendapat 'patuh sebahagian' atau 'tidak patuh'.

Bil	Senarai Semak	Perkara / Kriteria	Penemuan Audit	* Punca (Root Cause)	*Pembetulan (Tindakan yang diambil untuk membetulkan ketidakpatuhan yang telah berlaku)	*Tindakan Penambahbaikan (Tindakan yang diambil untuk menghapuskan punca ketidakpatuhan)	*Tindakan Pencegahan (Tindakan yang diambil untuk menghapuskan punca yang berpotensi menyebabkan ketidakpatuhan)	*Tarikh Dijangka Selesai	Bukti (Sila sertakan bersama gambar/ dokumen berkaitan)	Semakan YM Fasiliti (mohon maklum kepada Ketua Auditor dan Penyelaras ADAF Negeri / Institusi) (Nama & tarikh)	Semakan Ketua Auditor (Nama & tarikh)	Status : Selesai / Tidak	Catatan

*Kolum berikut adalah **WAJIB** diisi dengan lengkap bagi setiap penemuan audit.

CONTOH PENGIRAAN MARKAH BERDASARKAN WAJARAN**A) Contoh cara pengiraan markah berdasarkan wajaran bagi Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar bagi Sistem Penilaian ADAF Hospital**

Contoh pengiraan manual adalah seperti berikut:

No	Senarai Semak	Jumlah Wajaran	Denominator Senarai Semak	Nominator Senarai Semak	Markah Audit (%)	Markah Audit berdasarkan Wajaran
1	Sistem Pengurusan Kualiti	20%	208	150	72.12%	14.42%
2	Pengurusan Farmasi Logistik	15%	160	150	93.75%	14.06%
Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar						
3	Aktiviti Farmasi Ambulatori	15%	131	110	83.97%	4.20%
4	Aktiviti Farmasi MTAC		152	142	93.42%	4.67%
5	Aktiviti Farmasi Methadone		58	50	86.21%	4.31%
13.18%						
6	Aktiviti Penyediaan Farmaseutikal & Pembungkusan Semula	15%	137	130	94.89%	14.23%
7	Pusat Maklumat Ubat	5%	38	30	78.95%	3.95%
8	Aktiviti Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (TDM)	5%	21	15	71.43%	3.57%
9	Aktiviti Farmasi Pesakit Dalam	15%	133	100	75.19%	11.28%
10	Aktiviti Perkhidmatan Farmasi Wad	10%	35	30	85.71%	8.57%
JUMLAH KESELURUHAN		100%				83.26%

- **Pengiraan markah audit:**

= Markah Nominator/ Markah Denominator x 100%

B) Contoh pengiraan wajaran komponen Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar

Pengiraan markah wajaran bagi komponen ini perlu mengambil kira perkara berikut:

- Wajaran kumulatif Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar adalah 15%.
- Terdapat tiga (3) skop senarai semak di bawah Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar.

Contoh 1 : Fasilitas menawarkan semua tiga (3) perkhidmatan/ skop senarai semak

Senarai Semak	Jumlah Wajaran	Denominator Senarai Semak	Nominator Senarai Semak	Markah Audit (%)	Markah Audit berdasarkan Wajaran (%)
Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar					
Aktiviti Farmasi Ambulatori	*15%	131	110	83.97%	4.20%
Aktiviti Farmasi MTAC		152	142	93.42%	4.67%
Aktiviti Farmasi Methadone		58	50	86.21%	4.31%
					13.18%

a) Pengiraan markah wajaran bagi setiap senarai semak:

I) Untuk tiga (3) senarai semak, wajaran untuk setiap senarai semak adalah 5%

- Jumlah wajaran kumulatif : 15%
- Bilangan senarai semak : 3
- Wajaran untuk 1 senarai semak : $15\% / 3 = 5\%$

Markah audit (%) x wajaran untuk setiap senarai semak

$$= 83.97\% \times 5\% = 4.20\%$$

atau

II) Markah audit (%) / bilangan senarai semak x jumlah wajaran kumulatif

$$= (83.97\% / 3) \times 15\% = 4.20\%$$

b) Pengiraan Markah Audit berdasarkan Wajaran:

Markah setiap wajaran senarai semak ditambah.

$$= 4.20\% + 4.67\% + 4.31\%$$

$$= 13.18\%$$

Contoh 2 : Fasilitas menawarkan dua (2) daripada tiga (3) perkhidmatan/ skop senarai semak

Senarai Semak	Jumlah Wajaran	Denominator Senarai Semak	Nominator Senarai Semak	Markah Audit (%)	Markah Audit berdasarkan Wajaran
Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar					
Aktiviti Farmasi Ambulatori	*15%	131	110	83.97%	6.30%
Aktiviti Farmasi MTAC		152	142	93.42%	7.01%
Aktiviti Farmasi Methadone		TB	TB	0.00%	0.00%
					13.30%

a) Pengiraan markah wajaran bagi setiap senarai semak:

I) Untuk dua (2) senarai semak, wajaran untuk setiap senarai semak adalah 7.5%

- Jumlah wajaran kumulatif : 15%
- Bilangan senarai semak : 2
- Wajaran untuk 1 senarai semak : $15\% / 2 = 7.5\%$

Markah audit (%) x wajaran untuk setiap senarai semak

$$= 83.97\% \times 7.5\% = 6.30\%$$

atau

II) Markah audit (%) / bilangan senarai semak x jumlah wajaran kumulatif

$$= (83.97\% / 2) \times 15\% = 6.30\%$$

b) Pengiraan Markah Audit berdasarkan Wajaran:

Markah setiap wajaran senarai semak ditambah.

$$= 6.30\% + 7.01\%$$

$$= 13.30\%$$

Contoh 3: Fasilitas hanya menawarkan satu (1) daripada tiga (3) perkhidmatan/ skop senarai semak

Senarai Semak	Jumlah Wajaran	Denominator Senarai Semak	Nominator Senarai Semak	Markah Audit (%)	Markah Audit berdasarkan Wajaran
Pengurusan Farmasi Klinik Pakar/ Pesakit Luar					
Aktiviti Farmasi Ambulatori	*15%	131	110	83.97%	12.60%
Aktiviti Farmasi MTAC		TB	TB	0.00%	0.00%
Aktiviti Farmasi Methadone		TB	TB	0.00%	0.00%
					12.60%

a) Pengiraan markah wajaran bagi setiap senarai semak:

I) Untuk satu (1) senarai semak, wajaran senarai semak adalah 15%

- Jumlah wajaran kumulatif : 15%
- Bilangan senarai semak : 1
- Wajaran untuk 1 senarai semak : $15\% / 1 = 15\%$

Markah audit (%) x wajaran untuk setiap senarai semak

$$= (83.97\%) \times 15\% = 12.60\%$$

atau

II) Markah audit (%) / 1 senarai semak

$$= (83.97\% / 1) \times 15\% = 12.60\%$$

b) Pengiraan Markah Audit berdasarkan Wajaran:

Markah setiap wajaran senarai semak ditambah.

$$= 12.6\%$$